

LENSA AKTIVITI

BAHAGIAN PENDAFTAR

KUALA LUMPUR TAHUN 2022



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

TRANSISI

PERKHIDMATAN

Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur



www.utm.my



SEGMENT TRANSISI PERKHIDMATAN: UTMKL SERVICES



UTMKL Services beroperasi secara rasmi pada 21 Mac 2022 di Aras 2, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Perkhidmatan - perkhidmatan yang disediakan di UTMKL Services termasuklah Visa dan Hal Ehwal Antarabangsa, Kewangan, Pengurusan Akademik, Studio Kad Identiti dan Pusat Mel UTMKL. UTMKL Services merupakan *One Stop Centre* yang telah disatukan perkhidmatan kaunternya bagi menambah baik sistem penyampaian sedia ada untuk memberi kemudahan kepada pelanggan secara terus.

SESI ORIENTASI PETUGAS KAUNTER UTMKL SERVICES



Pada 18 Mac 2022 telah diadakan Sesi Orientasi Petugas Kaunter UTMKL Services. Petugas kaunter UTMKL Services terdiri daripada staf Bendahari, UTM International (UTMI), Sekolah Pengajian Siswazah (ARO & SPS) dan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Sesi Orientasi ini diadakan bagi memberi taklimat tentang tugas staf, memperkenalkan dan membiasakan staf dengan ruang persekitaran kerja baharu.

Majlis Perasmian UTMKL SERVICES



Pada 27 Jun 2022, Majlis Perasmian UTMKL Services telah disempurnakan oleh YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail, Naib Canselor UTM. Majlis turut dihadiri oleh YBrs. Prof. Ts. Dr. Abd Latif Saleh, Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur), Puan Nor Azizah Ismail (Pendaftar UTM), Dekan dan Pegawai - Pegawai Universiti yang lain.

Majlis diserikan dengan gimik perasmian dan persembahan video montaj. YBhg. Datuk Naib Canselor UTM turut berkesempatan melawat kaunter UTMKL Services dan Studio Kad Identiti.



KURSUS UTMKL SERVICES (GENERIK)

SIRI 1: ENGLISH COMMUNICATION FOR CUSTOMER SERVICE



Kursus UTMKL Services (Generik) Siri 1: *English Communication for Customer Service* yang bertempat di Dewan Banquet, Menara Razak telah diadakan pada 26 Mei 2022. Seramai (16) staf dari pelbagai jabatan khususnya petugas kaunter UTMKL Services telah menghadiri kursus yang disampaikan oleh Puan Ramona binti Abd Rahim dari Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan. Objektif kursus ini diadakan bertujuan memperkasakan lagi penggunaan Bahasa Inggeris dalam komunikasi seharian bagi membantu petugas kaunter mendepani pelanggan dari pelbagai bangsa dan negara.

SIRI 2: CUSTOMER SERVICE, COMMUNICATION & NEGOTIATION SKILL

Seksyen Pembangunan Bakat telah menganjurkan Kursus *Customer Service Communication & Negotiation Skill* yang bertempat di Dewan Banquet, Menara Razak selama (2) hari iaitu pada 13 & 14 Jun 2022. Seramai (14) staf terlibat dalam menjayakan kursus yang disampaikan oleh Encik Fauzul Na'im Ishak dari FINE Training Academy Sdn. Bhd. Kursus ini bertujuan memberi pendedahan kepada staf tentang cara melayani dan menghadapi kerenah pelanggan.



SIRI 3: STRESS AND ANGER MANAGEMENT

Kursus UTMKL Services Siri 3 : *Stress & Anger Management* diadakan pada 25 & 26 Julai 2022 bertempat di Bilik Ilmuan 2, Menara Razak bertujuan memberi pendedahan kepada staf tentang cara mengurus dan menangani stres dengan lebih baik serta amalan kesihatan mental yang sihat. Dalam kursus yang disampaikan oleh Encik Mohd Redzuan bin Zamberi dari Awaken Training & Consultancy ini, peserta mempelajari teori dan teknik pengurusan emosi dengan lebih efektif dan efisien. Peserta juga didedahkan kaedah pengurusan konflik dan teknik kognitif tingkahlaku dalam mengurus dan mengawal emosi.



SIRI 4: CUSTOMER SERVICE EXCELLENCE

Kursus *Customer Service Excellence* ini bertujuan meningkatkan kemahiran peserta dalam menguruskan pelanggan di jabatan masing-masing bagi menawarkan perkhidmatan pelanggan secara berkesan dan berkualiti dari aspek penyampaian dan emosi. Kursus yang diadakan pada 28 Julai 2022 di Dewan Banquet, Menara Razak ini disampaikan oleh Dr. Zulfikar bin Ahmad, Pengarah Pusat Kaunseling dan Encik Nurul Aziz bin Mohamed, Pegawai Psikologi dari UTM Johor Bharu.



KURSUS UTMKL SERVICES (FUNGSIAN)

SIRI 1: MODUL PENGURUSAN AKADEMIK, VISA DAN HAL EHWAL ANTARABANGSA



Kursus UTMKL Services (Fungsian) Siri 1 diadakan pada 29 Ogos 2022 bertempat di Dewan Banquet, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Dalam kursus yang memberi fokus pada modul fungsian UTMKL Services, Puan Khairani binti Ibrahim, Timbalan Pendaftar Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) menyampaikan Modul Pengurusan Akademik Pelajar UTM. Manakala Encik Noor Azam bin Samsudin, Penolong Pegawai Tadbir Kanan dari UTM International menyampaikan Modul Proses Pengurusan VISA Pelajar dan Pas Pengajian Staf Antarabangsa. Modul fungsian diperkenalkan kepada petugas kaunter UTMKL Services bagi membolehkan semua petugas mahir dan tahu mengendalikan tugas rakan dari PTJ lain yang turut bersama - sama bertugas di kaunter UTMKL Services.

SIRI 2, 3 & 4 : MODUL KEWANGAN

Pada 29 Ogos 2022 dan 6 September 2022 telah diadakan Kursus UTMKL Services (Fungsian) Siri 2, 3 & 4 bagi Modul Kewangan. Penceramah yang menyampaikan modul fungsian ini adalah Encik Abd. Muttalib bin Samad, Penolong Akauntan dan Encik Muhammad Tariq bin Rahmalan, Timbalan Bendahari dari Pejabat Bendahari UTM Kuala Lumpur. Kursus yang bersasar pada petugas kaunter UTMKL Services ini memfokuskan kepada pengurusan kewangan pelajar dan tatacara perolehan Universiti.



SEGMENT KESIHATAN & KESEJAHTERAAN STAF

Majlis Meraikan

PESARA 2020 & 2021



Majlis Meraikan Pesara 2020 & 2021 telah diadakan pada 8 Februari 2022 bertempat di Dewan Sultan Iskandar (DSI), UTM Johor Bahru. Majlis yang diadakan secara fizikal ini bersempena meraikan pesara - pesara UTM yang telah bersara pada tahun 2020 dan 2021. Tahniah dan setinggi - tinggi ucapan terima kasih diucapkan kepada semua pesara yang telah menabur khidmat bakti mereka kepada UTM.



YASIN & DOA SELAMAT PERPINDAHAN BPKL

Bersempena perpindahan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur ke Aras 2, Menara Razak UTM Kuala Lumpur, Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat telah diadakan pada 11 Mac 2022. Dalam majlis ini juga, sumbangan kepada staf Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur yang terkesan akibat Covid-19 turut diberikan.



IHYA' RAMADAN & MAJLIS PERPISAHAN STAF

Majlis Ihya' Ramadan & Majlis Perpisahan Staf Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah diadakan pada 1 April 2022. Majlis dimulakan dengan bacaan Yasin dan doa selamat yang dipimpin oleh Ustaz Ahmad Iman dari Pusat Islam UTM Kuala Lumpur. Majlis diadakan bersempena meraikan kehadiran Ramadan di samping mengerat hubungan antara staf dalam majlis yang diadakan.



MAJLIS IFTAR & BACAAN YASIN SEKSYEN KESELAMATAN

Seksyen Keselamatan BPKL telah mengadakan Majlis Iftar & Bacaan Yasin pada 26 April 2022 bertempat di Bilik Kebudayaan, Kolej Siswa Jaya. Majlis anjuran Seksyen Keselamatan ini diadakan bagi meraikan staf di samping mengerat hubungan sesama ahli keluarga staf - staf Seksyen Keselamatan. Majlis ini turut dihadiri oleh Tuan Haji Mohd Najib bin Masroom, Ketua Bahagian, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur.



Majlis Sumbangan Hamper PETUGAS 1 SYAWAL



Majlis Penyampaian Sumbangan kepada Petugas 1 Syawal bagi tahun 1443H/2022 telah berlangsung pada 22 April 2022 di Ruang Bankuet, Aras 17, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Majlis penyampaian telah disempurnakan oleh Ybgh. Prof. Ts. Dr. Abd Latif bin Saleh, Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur) kepada (33) penerima.

Seramai (28) staf dari Seksyen Keselamatan, (4) staf dari Pusat Islam dan (1) staf dari Pusat Kesihatan Universiti telah menerima sumbangan ini.

Semoga sumbangan ini dapat memberikan suntikan semangat kepada semua petugas yang bertugas pada 1 Syawal.



Majlis Sambutan HARI RAYA AIDILFIRI UTM Kuala Lumpur



Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri 1443H/2022 peringkat UTM Kuala Lumpur dengan tema "Raikan Lebaran, Semarakkan Keakraban" telah diadakan pada 18 Mei 2022 bertempat di Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid, UTM Kuala Lumpur. Majlis berlangsung meriah dengan dihadiri oleh YBhg. Tan Sri Azman bin Haji Mokhtar - Pengerusi LPU, Ahli-Ahli LPU, YBhg. Prof. Datuk Ts. Dr. Ahmad Fauzi bin Ismail - Naib Canselor UTM, Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof. Ts. Dr. Abd Latif Saleh - Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur), Pegawai - Pegawai Kanan Universiti dan semua staf UTM Kuala Lumpur.

Majlis dimulakan dengan Program Membangun Personaliti Unggul (MPU) yang disampaikan oleh Ustaz Mohamad Zarifi bin Mohamad Daud. Majlis Sambutan Hari Raya pada kali ini membudayakan konsep pelestarian dengan tidak membenarkan penggunaan *Single-Use* plastik. Semua staf diminta untuk membawa bekas makanan dan minuman sendiri. Pelbagai menu telah disediakan seperti lemang, rendang, roti jala, sate, kuih muih, nasi impit kuah lodeh, nasi goreng dan yang paling menarik perhatian para tetamu adalah menu utama kali ini iaitu kambing golek.

Selain dari hiasan pentas dan *photobooth* yang meriah tajaan dari Villa Busainna Sdn. Bhd., tetamu yang hadir turut dihiburkan dengan persembahan dari "Kita Busker" yang mendendangkan lagu-lagu raya secara *live* sepanjang majlis berlangsung. Sebanyak 20 cabutan bertuah juga disediakan untuk staf yang hadir.



zzzzz

SIRI KESEJAHTERAAN STAF : BAHAYA *MICROSLEEP*

Seksyen Pembangunan Bakat, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah menganjurkan Siri Kesejahteraan Staf bertajuk Bahaya *Microsleep* pada 27 April 2022. Sesi perkongsian yang diadakan secara atas talian melalui *Facebook Live* ini disampaikan oleh Dr. Izzat Hazmir, Ketua Bahagian Pusat Kesihatan Universiti, UTM Kuala Lumpur.

Microsleep merupakan satu episod tidur singkat yang tidak dapat dikawal dan berlaku untuk tempoh beberapa saat. Ianya terjadi tanpa amaran dan kerap berlaku apabila seseorang individu yang dalam keadaan mengantuk cuba untuk melawan rasa tersebut dan kekal berjaga.

Microsleep merupakan salah satu punca yang menyumbang pada kes - kes kemalangan jalan raya. Antara cara untuk mencegah terjadinya *microsleep* ketika memandu adalah dengan berhenti untuk berehat, berbual dengan kawan, mendengar radio dan mengambil minuman berkafein.



KURSUS PENGURUSAN *STRESS* : TERAPI KETAWA



Seksyen Pembangunan Bakat telah menganjurkan Kursus Pengurusan *Stress*: Terapi Ketawa pada 24 Mei 2022. Seramai (40) staf telah menghadiri kursus yang disampaikan oleh Encik Muhammad Abdul Rahim bin Habib, Pegawai Psikologi dari Universiti Putra Malaysia (UPM). Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang kursus berlangsung.



PENGUJIAN TEKANAN STAF BPKL



Jawatankuasa Pengurusan BPKL dengan kerjasama Pusat Kaunseling UTM Kuala Lumpur telah melaksanakan Ujian Tekanan kepada semua staf BPKL. Objektif utama pelaksanaan program ini adalah untuk mengukur tahap tekanan staf BPKL.

Sesi yang diadakan pada 25 & 26 Mei 2022 tersebut dimulakan dengan penerangan & taklimat oleh Pegawai dari Pusat Kaunseling, UTM Kuala Lumpur seterusnya pengujian secara berjadual melibatkan ujian DASS dan *Biofeedback*. Seramai (30) staf dari Pejabat Am dan Seksyen Keselamatan BPKL telah terlibat dengan sesi pengujian selama (2) hari tersebut.

Beberapa cadangan telah dikenalpasti bertujuan untuk merendahkan tekanan staf di pejabat dan salah satunya adalah memperbanyakkan lagi program gaya hidup sihat.



Sambutan Aidilfitri

SEKSYEN KESELAMATAN

Seksyen Keselamatan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 26 Mei 2022 bertempat di Pejabat Seksyen Keselamatan. Majlis anjuran Seksyen Keselamatan BPKL yang diadakan bagi meraikan staf - staf Seksyen Keselamatan ini turut diserikan lagi dengan kehadiran Tuan Haji Mohd Najib bin Masroom, Ketua Bahagian, Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur.



Majlis Sambutan HARI RAYA AIDILFITRI BAHAGIAN PENDAFTAR KUALA LUMPUR

Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah diadakan pada 10 Jun 2022 di Dewan Banquet, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Majlis ini juga turut meraikan sambutan hari lahir bagi staf yang lahir dari bulan Januari sehingga Jun. Selain itu, Puan Suzila Binti Mat Yassin turut diraikan dalam majlis ini sempena perpindahan beliau ke UTM Johor Bahru.



HOW TO GET START



Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah menganjurkan Program *How To Get Started* Siri 1 bagi Tahun 2022 khusus untuk staf baharu. Seramai (50) staf UTM Kuala Lumpur telah terlibat dalam program yang dijalankan pada 30 Jun 2022 sehingga 1 Julai 2022. Program ini telah dirasmikan oleh Tuan Haji Mohd Najib bin Masroom, Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur.

Inisiatif pelaksanaan program ini adalah untuk memberi pendedahan tentang Nilai Teras UTM (ISES), menerapkan nilai DNA UTM dalam kalangan warga UTM dan memperkenalkan wakil Pengurusan Tertinggi UTM serta kawasan persekitaran di kampus kepada staf - staf baharu. Pelbagai aktiviti telah dijalankan sepanjang dua hari program yang berlangsung di sekitar kampus UTM Kuala Lumpur dan Kolej Siswa Jaya.






PERTANDINGAN BOWLING PIALA KETUA BAHAGIAN

Pada 1 Julai 2022, Pertandingan Bowling Piala Ketua Bahagian BPKL 2022 diadakan di Gurney Bowl Residensi UTMKL. Pertandingan bowling ini adalah di antara staf BPKL anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Pendaftar (KLAPP). Seramai (25) staf bertanding pada kejohanan kali ini. Tujuan pertandingan ini diadakan adalah bagi menjaga kesejahteraan staf dengan mengadakan aktiviti luar pejabat selain merapatkan ukhwah sesama staf dalam seksyen - seksyen di BPKL.



PERTANDINGAN BOWLING SEKSYEN KESELAMATAN

Seksyen Keselamatan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur turut mengadakan pertandingan bowling bagi staf dan anggota Seksyen Keselamatan. Objektif program yang diadakan pada 4 Ogos 2022 ini adalah untuk mewujudkan semangat berpasukan di kalangan anggota, di samping menyahut seruan Universiti untuk mengamalkan gaya hidup sihat dalam kalangan anggota Seksyen Keselamatan



PENGURUSAN KECEDEeraan DALAM AKTIVITI SUKAN

Siri Kesejahteraan Staf bertajuk Pengurusan Kecederaan Dalam Aktiviti Sukan diadakan pada 24 Ogos 2022 secara atas talian melalui aplikasi *Facebook live*. Penceramah jemputan yang menyampaikan tajuk ini adalah Puan Siti Salmiah binti Md Daud, Pegawai Pemulihan Perubatan daripada Hospital Canselor Tuanku Mukhriz. Dalam ceramah ini, Puan Siti Salmiah berkongsi cara - cara dan tindakan yang perlu dilakukan apabila berlakunya kecederaan ketika sedang bersukan. Beliau turut berkongsi jenis - jenis kecederaan ringan yang boleh berlaku ketika bersukan seperti kecederaan otot, luka, terseliuh dan lain - lain lagi.



MAJLIS BACAAN YASIN DAN DOA SELAMAT

Pada 15 September 2022 telah diadakan Majlis Bacaan Yassin & Doa Selamat bersempena pertukaran Puan Norhazirah binti Mohamad Rashdi, persaraan En Ab Hamid bin Ghani dan penyampaian sumbangan bagi Anugerah Kualiti Staf Dalaman Superstaf BPKL Siri 1/2022 yang bertempat di Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur.



SESI RENUNGAN PAGI (SRP)



Sesi Renungan Pagi (SRP) terbahagi kepada dua iaitu sesi informatif yang menjadi lapangan interaksi santai di antara staf untuk menyampaikan maklumat atau sebarang perkongsian ilmu dan sesi aktiviti fizikal untuk mengeluarkan peluh.

Pada tahun 2022, sebanyak (5) siri perkongsian ilmu dan (6) siri aktiviti fizikal yang diadakan.

BRISK WALK



Brisk Walk merupakan aktiviti senaman yang telah diamalkan oleh staf Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur sejak dahulu lagi. Aktiviti senaman berjalan laju ini diadakan di sekitar kampus UTMKL dengan dimulakan dengan taklimat oleh urusetia dan sesi pemanasan badan. Aktiviti yang diadakan pada 14 Januari 2022, 7 Februari 2022 dan 23 September 2022 ini adalah untuk membantu staf meningkatkan aktiviti fizikal bagi memperolehi pelbagai manfaat kesihatan dan mengurangkan risiko penyakit dalam kalangan staf.

BOLA TAMPAR

Sesi SRP - Bola Tampar diadakan pada 22 Julai 2022 dengan penglibatan staf Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Buat julung - julung kalinya aktiviti riadah seperti ini diadakan bersama staf dari semua seksyen dan unit di BPKL. Ketua Bahagian, Tuan Haji Najib bin Masroom turut mengambil peluang untuk bersama - sama bermain bola tampar.



BADMINTON

Sesi SRP - Badminton diadakan pada 5 Ogos 2022 di Dewan Tan Sri Ainuddin Wahid Omar, UTM Kuala Lumpur. Urusetia SRP sentiasa berusaha untuk menganjurkan aktiviti fizikal dan sukan yang berbeza supaya staf Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur sentiasa bersemangat untuk turut serta dan bersungguh - sungguh bermain selain dapat mengeluarkan peluh.



BERBASIKAL



Sesi SRP - Berbasikal telah diadakan pada 4 November 2022 dengan penglibatan staf Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. (10) unit basikal telah dipinjam daripada Seksyen Keselamatan bagi aktiviti berbasikal dalam kampus UTM Kuala Lumpur.

HIGH TEA BPKL



Bagi menghargai staf Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur, program *Hi-Tea BPKL* diadakan pada 21 Disember 2022 bertempat di Manor Cafe, Wangsa Maju. Program anjuran Kelab Sukan dan Kebajikan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur (KLAPP) ini turut diadakan bagi meraikan staf BPKL yang lahir pada bulan Julai hingga Disember.





KUNJUNGAN JABATAN PERTANIAN MALAYSIA PUTRAJAYA KE TAMAN MINI BPKL



Pada 12 Januari 2022, Taman Mini BPKL menerima kunjungan mesra daripada Jabatan Pertanian Malaysia, Putrajaya yang diketuai oleh En. Muhammad Islah bin Ishak, Penolong Pengarah, Bahagian Pertanian Bandar. Hasil daripada lawatan tapak dan perbincangan, pihak Jabatan Pertanian telah bersetuju untuk menyalurkan bantuan baja, benih pokok, mesin mengepam air dan kursus pertanian yang bersesuaian kepada staf yang terlibat. Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur amat berbesar hati dengan kerjasama ini dan berharap ianya dapat dikekalkan pada masa akan datang.

PROGRAM KITAR SEMULA

Jawatankuasa Pelestarian Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur dengan kerjasama UTM Campus Sustainability (UTMCS) telah menganjurkan Program Kitar Semula peringkat UTM Kuala Lumpur pada 29 Mac 2022. Terdapat tiga kategori barangan kitar semula seperti baju terpakai, minyak masak terpakai dan barangan elektronik terpakai (*e-waste*) telah dikumpulkan. Program ini telah mendapat sambutan yang memberangsangkan kerana julung kali diadakan di kampus ini. Objektif utama program ini adalah untuk menerapkan amalan pelestarian 3R di kalangan warga UTM Kuala Lumpur. Hasil pengumpulan barangan tersebut akan dijual kepada *vendor* yang dilantik oleh UTMCS.



APA ITU E-WASTE



Satu sesi perkongsian ISES (*Sustainability*) yang bertajuk Apa Itu *E-Waste* telah dianjurkan pada 14 April 2022. Sesi ini disampaikan oleh Puan Mazriah Ayu Binti Abu Bakar, Ketua Penolong Pengarah, Bahagian Bahan Berbahaya, Jabatan Alam Sekitar. Sesi perkongsian yang bertujuan memupuk kesedaran tentang bahan buangan kepada warga universiti ini disampaikan secara atas talian melalui *Facebook Live* Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur.

GOTONG-ROYANG TAMAN MINI

Seksyen Keselamatan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah menganjurkan gotong royong di Taman Mini BPKL pada 13 Jun 2022. Antara aktiviti yang dijalankan adalah membersihkan kebun, memotong rumput, menyemai anak benih, menggembur tanah dan membuat batas. Selain dapat bergotong - royong membersihkan Taman Mini, aktiviti ini juga dapat mengeratkan hubungan antara staf di samping mengeluarkan peluh.



PROJEK MEMBAIKI KOLAM TAMAN MINI

Pada 5 - 9 September 2022 telah diadakan projek bagi membaiki kolam di Taman Mini BPKL. Pembaikan kolam taman mini ini dilakukan bertujuan membolehkan ikan keli dipelihara di dalam kolam mini tersebut bagi mendapatkan hasilnya.



PEMBINAAN RUMAH SEMAIAN DAN TAPAK BENIH TAMAN MINI



Satu program gotong - royong bagi pembinaan rumah semaian dan tapak benih di Taman Mini BPKL diadakan pada 23 - 25 November 2022. Program anjuran Seksyen Keselamatan BPKL ini turut melibatkan staf seksyen lain di Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Program yang diadakan selama (3) hari ini berjaya membina rumah bagi semaian tapak benih pokok baharu yang akan ditanam pada masa akan datang.

SEGMENT KOMPETENSI

BENKEL PERKONGSIAN BUKU : TEKNIK EKSPLORASI BUKU BERKESAN

Seramai (30) staf daripada pelbagai jabatan telah menghadiri Bengkel Perkongsian Buku : Teknik Eksplorasi Buku Berkesan pada 6 Januari 2022. Objektif bengkel ini diadakan adalah bagi memberi kefahaman mengenai *Program Book Sharing@UTM* Kuala Lumpur kepada calon penyampai, memberi pendedahan tentang cara mencari bahan bacaan di portal Perpustakaan UTM, memberi tips pembacaan cepat dan berimpak, menerangkan tips penyampaian buku berkesan dan memperkenalkan aplikasi *Streamyard* kepada calon penyampai. Bengkel yang dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *Google Meet* ini disampaikan oleh Puan Nurrull Huda binti Abdul Wahid, Pustakawan Kanan, Perpustakaan UTM Kuala Lumpur.



BUILDING CHARACTER, COMPETENCY AND CAPACITY TO EMPOWER UNIVERSITY ADMINISTRATORS

Pada 4 Februari 2022, Seksyen Pembangunan Bakat, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah menganjurkan Sesi Perkongsian ISES (*Excellence*): *Building Character, Competency and Capacity to Empower University Administrators* yang bertempat di Bilik Ilmuan 3, Anjung Menara Razak. Seramai (56) staf hadir dari gred jawatan 29 hingga 44 yang melibatkan pelbagai skim dari pelbagai jabatan.



Penceramah jemputan yang menyampaikan sesi perkongsian ini ialah YBhg. Dato' Mohd Sharil bin Abdullah, Pengarah Bahagian Kolaborasi Industri & Masyarakat (BKIM), JPT.

Antara intipati sesi perkongsian ini adalah:

1. Kecekapan kepimpinan merupakan asas penting untuk keberkesanan organisasi.
2. Kepimpinan yang berkesan adalah teras yang penting merentas organisasi dan tetapan yang berbeza.
3. Kecekapan kepimpinan utama memberi tumpuan kepada pengurusan tindakan, membuat pertimbangan yang sewajarnya dan memberi arahan dengan jelas dan lengkap kepada staf bawahan agar dapat melaksanakan tugas dengan baik.



KURSUS SECURITY PERSONNEL : TO ENHANCE COMMUNICATION & COMPETENCY



Kursus ini telah dibangunkan khusus untuk anggota keselamatan dari Seksyen Keselamatan, BPKL. Kursus yang berlangsung pada 23 - 25 Mac 2022 di Melaka Tropical Fruit Farm, Sungai Udang ini bertujuan memastikan jurang dalam kalangan anggota keselamatan terutamanya komunikasi dan kompetensi tidak terlalu besar. Terdapat pelbagai aktiviti dijalankan sepanjang program ini berlangsung seperti *explorace*, *jungle trekking*, *water confident*, *indoor game*, *night walk* dan malam kebudayaan.



KURSUS FINANCE: WHEN YOU FORGET

Kursus *Finance: When You Forget* telah diadakan pada 30 & 31 Mac 2022. Kursus tersebut telah dihadiri oleh pegawai yang menguruskan kewangan di PTJ masing-masing. Kursus ini telah disampaikan oleh pegawai dari Pejabat Bendahari dan Seksyen Keselamatan, Bahagian Pendaftar UTM Kuala Lumpur.



Sesi Engagement


KETUA PENTADBIRAN



Sesi *Engagement* Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur diadakan pada 30 Mac 2022 secara hibrid iaitu fizikal dan atas talian. Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur iaitu Tuan Haji Mohd. Najib bin Masroom menyampaikan Sesi *Engagement* dengan Tema *The Next Normal* yang memberi fokus pada Sambutan 50 Tahun UTM, penyampaian perkhidmatan, pembangunan staf, integriti UTMKL, tadbir urus, kesejahteraan dan keselamatan kampus.

Sesi yang diadakan saban tahun ini bertujuan sebagai sesi perkongsian hala tuju Universiti serta penyampaian maklumat dan polisi terkini yang perlu diambil perhatian oleh seluruh warga kampus. Jumlah kehadiran adalah seramai (614) orang, manakala keseluruhan jumlah atas talian melalui aplikasi *Fb live* adalah sebanyak 929 view.


Dalam sesi ini turut diselitkan penghargaan kepada staf BPKL yang cemerlang bagi Siri II/2021 iaitu Encik Mohamad Zan bin Abdul Hamid (KP11) dan Encik Muhammad Azri bin Ibrahim (N11).





KURSUS TEKNIK BERKESAN PENULISAN SURAT RASMI

Kursus Teknik Berkesan Penulisan Surat Rasmi yang bertempat di Dewan Banquet, Menara Razak telah diadakan pada 31 Mei 2022. Seramai (12) staf menghadiri kursus yang disampaikan oleh Tuan Haji Najib bin Masroom, Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan bagi membantu staf mempelajari cara penulisan surat rasmi yang betul dan mengikut format yang terkini.



KURSUS PENYELENGGARAAN LAMAN WEB

Pada 6 Jun 2022 telah dianjurkan Kursus Penyelenggaraan Laman *Web* yang bertempat di Makmal Cyber Hub 1, UTM Digital, UTM Kuala Lumpur. Kursus disampaikan oleh Encik Mohd Sharul Hafiz bin Razak, Pegawai Teknologi Maklumat, Jabatan Perkhidmatan Digital, UTM Johor Bahru dengan dihadiri seramai (13) staf dari pelbagai skim dan jabatan. Objektif penganjuran kursus ini adalah bagi memberi tunjuk ajar kepada staf tentang cara membangunkan laman sesawang masing - masing.



TAKLIMAT KOMPETENSI & KESEJAHTERAAN SEKSYEN KESELAMATAN



Satu Sesi Taklimat Kompetensi & Kesejahteraan kepada staf Seksyen Keselamatan UTM Kuala Lumpur telah diadakan pada 4 Julai 2022. Sesi taklimat ini disampaikan oleh Tuan Mohd Faizal bin Abd Latib, Pengarah Keselamatan. Pengisian taklimat adalah berkenaan kebertanggungjawaban staf terhadap tugas masing - masing di samping tidak mengabaikan kesejahteraan rohani dan jasmani staf Seksyen Keselamatan yang ditugaskan menjaga keamanan dan keselamatan warga kampus UTM Kuala Lumpur.

SECURITY

SECURITY

SECURITY

SECURITY

KURSUS ETIKA KERJA CEMERLANG



Seramai (16) staf yang terdiri daripada Pembantu Operasi hadir bagi mengikuti Kursus Etika Kerja Cemerlang yang disampaikan oleh (4) panel penceramah iaitu Datin Huzaimah binti Yahya, Timbalan Pendaftar Malaysia-Japan International Institute of Technology (MJIIT), Puan Nurzimazaihan binti Pi'i, Ketua Bahagian Pusat Kaunseling UTM Kuala Lumpur, Puan Nor Hasrina binti Mohamad @ Sulaiman, Pegawai Psikologi Pusat Kaunseling dan Ustaz Khairudin bin Ramli, Pegawai Hal Ehwal Islam dari Pusat Islam UTM Kuala Lumpur. Kursus yang diadakan pada 14 Julai 2022 bertujuan untuk memperbaiki sikap dan niat staf ke arah cara bekerja yang lebih berefektif dengan menggunakan segala idea dan kreativiti yang lebih dinamik di samping dapat membentuk individu di dalam mendisiplinkan diri dengan pekerjaan serta membina hubungan yang lebih baik di antara pegawai dan rakan sekerja bagi mencapai matlamat organisasi.

SESI PERKONGSIAN AMALAN TERBAIK PENGURUSAN KAUNTER PERPUSTAKAAN UTMKL

Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah menganjurkan sesi Perkongsian Amalan Terbaik Pengurusan Kaunter pada 21 Julai 2022 bertempat di Bilik Mesyuarat Al-Ghazali, Bangunan Perpustakaan UTMKL. Perpustakaan UTMKL telah dipilih untuk memberikan perkongsian amalan-amalan terbaik yang telah dilaksanakan dalam pengurusan kaunter memandangkan perpustakaan UTMKL merupakan antara jabatan yang paling lama memberi perkhidmatan kaunternya kepada pelanggan. Perkongsian ini disampaikan oleh Puan Nik Masriza binti Zakaria, Timbalan Ketua Pustakawan, Jabatan Perpustakaan UTMKL.



BICARA TOKOH TAN SRI AINUDDIN



Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur dengan kerjasama Perpustakaan UTM Kuala Lumpur telah menganjurkan Program Membangun Personaliti Unggul (MPU) bertajuk Bicara Tokoh Tan Sri Ainuddin Wahid pada 26 Ogos 2022 di Perpustakaan UTM Kuala Lumpur. Penceramah jemputan yang menyampaikan Bicara Tokoh Tan Sri Ainuddin ini adalah YBhg. Puan Seri Fatini binti Yaakob. Program ini dianjurkan bersempena sambutan 50 tahun UTM dan bulan kemerdekaan peringkat UTM Kuala Lumpur. Tujuan utama program ini dijalankan adalah untuk memberikan pendedahan kepada warga UTM berkaitan sejarah penubuhan UTM, di samping untuk memupuk nilai teras UTM bagi memastikan kecemerlangan yang berterusan dalam kalangan warga UTM.

KURSUS ANALYZING & VISUALIZING DATA USING EXCEL

Pada 1 September 2022 telah diadakan Kursus *Analyzing & Visualizing Data Using Excel*. Kursus ini bertujuan memberi tunjuk ajar tentang perisian *Microsoft Excel* di peringkat *intermediate*. Para peserta diajar untuk mengaplikasikan *formula, functions* dan *list* bagi memanipulasi data dengan betul menggunakan perisian *Microsoft Excel*, menghasilkan rekabentuk paparan visual dan carta dalam bentuk *dashboard* dengan betul dan membuat analisis data dengan menggunakan *pivot table* atau *pivot chart*.



KURSUS PENGURUSAN REKOD JABATAN



Kursus Pengurusan Rekod Jabatan telah diadakan pada 19 September 2022 bertujuan untuk menerangkan secara terperinci proses yang terlibat dalam pengurusan fail dan rekod secara teori, serta memberi kefahaman dalam tugas-tugas mengendalikan fail dan rekod sepertimana yang diperuntukkan di dalam Akta Arkib Negara 2003 [Akta 629]. Kursus ini telah disampaikan oleh Encik Hasanuddin bin Othman, Pegawai Tadbir, Pejabat Naib Canselor, UTM Kuala Lumpur.

Di akhir kursus ini, peserta diharapkan dapat mendefinisi dan menerangkan asas-asas pengurusan rekod awam dalam pelbagai bentuk yang perlu diuruskan secara berkesan dan sistematik, menjelaskan kaedah pelaksanaan sistem rekod yang berkesan selaras dengan Panduan Pengurusan Rekod Awam serta mematuhi peraturan dan prosedur pengendalian rekod dengan cekap dan teratur.

KURSUS *FIRST AID, CPR & AED*



Kursus *First Aid, CPR & AED* diadakan pada 22 September 2022 bertempat di Bilik Ilmuan 1, Anjung Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Seramai (19) staf mengikuti kursus yang disampaikan oleh Encik Mohd Amir Hamzah bin Mohd Hazali, Penolong Pegawai Perubatan dan Encik Mohd Syafiq bin Samsudin, Penolong Pegawai Perubatan dari Pusat Kesihatan Universiti UTM Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan bertujuan melatih para peserta dalam bidang asas pertolongan cemas, memberi kefahaman tentang teknik yang betul untuk memberi pertolongan cemas selain memberi peserta pengalaman *hands-on* dalam melakukan CPR kepada replika bayi, kanak-kanak dan orang dewasa.

KURSUS *LEADERSHIP DEVELOPMENT PROGRAMME (LDP)*

Kursus *Leadership Development Programme (LDP)* merupakan kursus bersasar kepada Pegawai Gred N41 bagi setiap PTJ/Jabatan. Kursus yang mengandungi modul berkaitan kepimpinan, *work - life balance*, konsep berteraskan pengurusan organisasi dan kemahiran pengurusan ini telah diadakan sebanyak (2) siri iaitu pada 17 & 18 Ogos 2022 dan 4 - 6 Oktober 2022.

Di akhir kursus ini, peserta diharapkan dapat :

1. Menjaga kepentingan imej dan keterampilan sebagai penjawat awam berdasarkan pemakaian penjawat awam dan pekeliling - pekeliling yang berkuatkuasa.
2. Mengaplikasikan tatacara berpakaian yang betul mengikut acara/majlis dihadiri.
3. Memahami konsep pemikiran kreatif dan kritis,
4. Menggunakan *Creative Tools* untuk membuat penambahbaikan, menyelesaikan masalah serta mencipta perkhidmatan atau produk baharu.
5. Membantu peserta menjadi pekerja yang lebih cekap dan efisien dalam menguruskan kerja - kerja di pejabat.



KURSUS AKAUNTABILITI DALAM PENGURUSAN



Pada 22 November 2022 telah diadakan Kursus Akauntabiliti Dalam Pengurusan bertempat di Dewan Banquet, Menara Razak UTM Kuala Lumpur. Kursus ini adalah bersasar kepada pegawai di peringkat pengurusan iaitu Pegawai Gred N41 hingga Gred N48. Kandungan kursus adalah berkenaan pengurusan salah laku & tatatertib staf, pengurusan konflik dalaman di tempat kerja dan pengurusan kewangan universiti.

KURSUS ASAS CANVA & MICROSOFT POWER POINT

Kursus Asas *Canva* & *Microsoft Power Point* telah diadakan pada 24 November 2022 bertempat di Makmal Cyber Hub 1, UTM Digital, UTM Kuala Lumpur. Kursus yang disampaikan oleh Encik Mohd Faizal bin Hassan, Pembantu Tadbir Kanan, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur ini dianjurkan bagi memberi pendedahan dan latihan kepada peserta berkenaan dengan rekabentuk grafik dan infografik menggunakan aplikasi *CANVA* dan *Microsoft Power Point*. Peserta juga diajar kaedah yang mudah untuk menghasilkan slaid persembahan yang menarik, ringkas dan mudah difahami.



KURSUS PENGURUSAN HUTANG



Pada 15 Disember 2022 telah diadakan Kursus Pengurusan Hutang yang disampaikan oleh Encik Tariq bin Rahmalan, Timbalan Bendahari, UTM Kuala Lumpur. Kursus ini bertujuan mewujudkan kesedaran mengenai kepentingan pengurusan kewangan berhemah dalam kalangan staf di samping mengelakkan diri daripada berada dalam keadaan berhutang yang tinggi sehingga menjejaskan integriti dan prestasi di tempat kerja.

HUMAN GOVERNANCE IN LEADERSHIP

Bahagian Pendaftar dengan kerjasama Perpustakaan dan UTMDigital UTM Kuala Lumpur telah mengadakan Sesi Perkongsian Ilmu Kepimpinan : *Human Governance In Leadership* yang disampaikan oleh Tuan Haji Mohd Najib bin Masroom, Ketua Pentadbiran UTM Kuala Lumpur pada 19 Disember 2022 bertempat di Ruang Acara, Perpustakaan UTM Kuala Lumpur. Dalam sesi ini, beliau telah menyatakan bahawa kepimpinan adalah berkait dengan akhlak dan tanggungjawab membuat keputusan selain membuat sesuatu yang betul walaupun tiada yang melihat. Sepanjang ceramah beliau, Tuan Haji Mohd Najib bin Masroom turut menekankan kepentingan rasa hormat, adab, budi bahasa dan kemanusiaan. Satu nasihat beliau yang meninggalkan kesan mendalam kepada para hadirin adalah untuk mereka melakukan sesuatu yang tidak dilakukan orang lain dan meninggalkan impak terhadap individu serta organisasi.





PENILAIAN REKOD AWAM SECARA FIZIKAL

Penilaian Rekod Awam bagi rekod akademik telah dijalankan secara fizikal ke atas Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur pada 17 Januari 2022 oleh Puan Kamaliah Binti Madil, Pegawai Arkib, Seksyen Pelupusan Rekod, Arkib Negara Malaysia.

Tujuan penilaian secara fizikal ini diadakan untuk menentukan sama ada rekod tersebut masih perlu disimpan di jabatan, pindah untuk simpanan kekal di Arkib Negara Malaysia atau dicadang untuk pelupusan. Penilaian dibuat ke atas 21 rekod yang terdapat dalam borang permohonan pelupusan (Borang Arkib 5/2008). Laporan penilaian akan dimajukan ke dalam satu mesyuarat rasmi ANM bagi tujuan kelulusan.

Hasil daripada penilaian dan kelulusan mesyuarat, (16) rekod diputuskan musnah, (2) rekod perlu dipindahkan ke ANM dan (3) rekod ditangguh musnah.



PERPINDAHAN BPKL *ke* MENARA RAZAK



Tanggal 25 Februari 2022 merupakan hari terakhir sesi perpindahan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur ke Aras 2, Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Kerja-kerja pembungkusan telah bermula sejak 14 Februari 2022. Secara rasminya, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur akan kembali beroperasi sepenuhnya di lokasi baharu pada 3 Mac 2022.

Terima kasih diucapkan kepada YBrs Prof. Ts. Dr. Abd Latif Saleh, Pro-Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur) yang sudi meluangkan masa beliau melihat sendiri kerja-kerja perpindahan BPKL.



Perpindahan BPKL ke lokasi baharu adalah untuk meningkatkan kualiti perkhidmatan BPKL supaya sentiasa berada di hadapan, sekaligus sebagai penyuntik semangat buat staf untuk bekerja dengan lebih bersemangat di tempat baharu. Semoga dengan bertapaknya BPKL di Menara Razak, staf akan terus bekerja dengan lebih cemerlang demi menjaga dan meningkatkan lagi kualiti perkhidmatan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur.



Majlis Pelancaran Sambutan



TAHUN UTM



Universiti Teknologi Malaysia (UTM) telah bertapak dalam sektor pendidikan negara sejak 1904. Bermula sebagai Sekolah Treacher, institusi ini kemudiannya dinaik taraf sebagai Maktab Teknik selepas 42 tahun. Seterusnya pada tahun 1972, institusi ini sekali lagi dinaik taraf kepada Institusi Teknologi Kebangsaan (ITK) berstatus Universiti. ITK kemudiannya menukar nama kepada Universiti Teknologi Malaysia pada tahun 1975.

Pada 14 Mac 2022 telah diadakan Majlis Pelancaran Sambutan 50 Tahun UTM bertempat di UTM Johor Bahru dan disiarkan secara langsung di UTM Kuala Lumpur dan UTM Pagoh. Majlis ini dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Raja Zarith Sofiah Binti Almarhum Sultan Idris Shah, Canselor UTM.

Staf UTM Kuala Lumpur turut bersama-sama meraikannya dengan berkumpul di Bilik Ilmuan 3, Menara Razak bagi menyaksikan Majlis Pelancaran Sambutan 50 Tahun UTM.



AUDIT KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (AKKP)

Pada 28 & 29 Mac 2022 telah berlangsungnya Audit Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan (AKKP) bagi tahun 2021. Audit ini telah dijalankan secara hibrid, iaitu secara fizikal dan juga secara atas talian. Bagi pelaksanaan KKP 2021, dokumentasi pelaksanaan adalah di lokasi lama Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur, manakala pemeriksaan fizikal dilaksanakan di lokasi baharu iaitu di Aras 2, Menara Razak.



UTM
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

AUDIT AKKP TAHUN 2021

PEMERIKSAAN KENDIRI
PENILAIAN SECARA MAYA (ONLINE) & FIZIKAL

UNIT PERSEKITARAN, KESELAMATAN & KESIHATAN PEKERJAAN (OSHE)

TARIKH PENTING AKKP 2021

24/3/2022 - 25/3/2022
1) PENILAIAN & SEMAKAN OSHE ASSIST OLEH PANEL AUDITOR
** PTJ DIBERI MASA UNTUK HENDEMASIRI FAL DI DALAM OFIS ASSIST TERBUKA
23/3/2022, 5:00 PETANG

28/3/2022
1) SESI PEMBENTANGAN PTJ KEPADA PANEL AUDITOR. (SECARA MAYA)

29/3/2022 - 31/3/2022
1) SESI PEMERIKSAAN SECARA FIZIKAL DI PTJ OLEH PANEL AUDITOR

1/4/2022
1) SESI PENUTUP DAN HASIL DAPATAN AUDIT OLEH PANEL AUDITOR KEPADA PTJ

SEBARANG PERTANYAAN HUBUNGI
03-96154203
OSHEKLOUTUMY

[HTTPS://KL.UTM.MY/OSHE/OSHE-ASSIST/](https://kl.utm.my/oshe/oshe-assist/)

MAJLIS PENYERAHAN KENDERAAN SEKSYEN KESELAMATAN



Pada 12 April 2022 telah berlangsungnya Majlis Penyerahan Kenderaan Seksyen Keselamatan BPKL bertempat di Lobi Menara Razak, UTM Kuala Lumpur. Majlis ini telah disempurnakan oleh YBr. Prof. Ts. Dr. Abd Latif bin Saleh, Pro Naib Canselor (Kampus UTM Kuala Lumpur). Seksyen Keselamatan telah memperolehi sebanyak 2 buah motosikal baharu yang akan digunakan untuk urusan trafik dan rondaan di UTM Kuala Lumpur.



LAWATAN PENANDA ARAS PENGURUSAN KAUNTER DI KAUNTER JABATAN PENGANGKUTAN JALAN (JPJ) WANGSA MAJU, KUALA LUMPUR



Pada 7 Oktober 2022 telah diadakan Lawatan Penanda Aras Pengurusan Kaunter di Kaunter Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Lawatan yang disertai oleh (30) staf pelbagai jabatan dari UTM Kuala Lumpur ini bertujuan untuk memantapkan kemahiran staf khususnya yang bertugas sebagai petugas kaunter ketika berhadapan dan berurusan dengan pelanggan. Ianya meliputi aspek kemahiran dalam mempamerkan imej, ketrampilan diri yang profesional, etiket, tingkah laku yang menyenangkan serta kemahiran komunikasi yang mantap dan berkeyakinan. Ini seterusnya akan meningkatkan persepsi positif pelanggan terhadap imej dan reputasi organisasi.



AUDIT PENGURUSAN REKOD JABATAN UTMKL 2022

Pada 11 - 26 Oktober 2022 telah diadakan Audit Pengurusan Rekod Jabatan UTMKL bagi tahun 2022. Sebanyak (28) PTJ diaudit termasuk Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Audit ini dilaksanakan bertujuan untuk memperkemas sistem pengurusan rekod, memantau penambahbaikan yang perlu dibuat oleh PTJ dan pelaksanaan pelupusan rekod adalah mengikut peraturan dan dasar yang ditetapkan oleh Arkib Negara Malaysia (ANM). Sebanyak (16) PTJ telah berjaya memperolehi penarafan 5 bintang.

Tahniah diucapkan kepada PTJ - PTJ yang komited dalam memastikan tadbir urus pengurusan rekod jabatan adalah dalam kedudukan terbaik dan cemerlang.



Penghargaan dan
TERIMA KASIH
KEPADA SEMUA PTJ UTMKL



atas kerjasama yang diberikan sepanjang
AUDIT PENGURUSAN REKOD JABATAN UTMKL TAHUN 2022
DILAKSANAKAN BERMULA 11 SEHINGGA 26 OKTOBER 2022



Bahagian Pendaftar UTMKL



registrar.kl@utm.my



03-2180 5161

AUDIT PENGURUSAN REKOD PERKHIDMATAN STAF UTM KUALA LUMPUR



Pada 30 Mei 2022 telah berlangsungnya taklimat bagi pelaksanaan Audit Pengurusan Rekod Perkhidmatan Staf UTM Kuala Lumpur anjuran Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur bertempat di Bilik Ilmuan 2, Aras 2, Anjung Menara Razak UTM Kuala Lumpur.



Audit Pengurusan Rekod Perkhidmatan Staf UTM Kuala Lumpur telah diadakan sepanjang Julai hingga September 2022. Antara inisiatif pelaksanaan audit ini adalah bagi memastikan rekod perkhidmatan staf diurus dan direkodkan dengan teratur, mewujudkan keseragaman proses kerja pengurusan sumber manusia di setiap jabatan dan memastikan rekod perkhidmatan staf adalah berintegriti selaras dengan peraturan dan piawaian yang telah ditetapkan.



Seterusnya pada 16 & 17 November telah diadakan Audit Pengurusan Rekod Perkhidmatan Staf bagi staf yang berada di bawah seliaan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Audit ini dilaksanakan bagi memastikan rekod perkhidmatan staf adalah teratur dan berintegriti.

Melalui pelaksanaan audit ini, rekod perkhidmatan staf dapat dikemaskini dan diselenggara dengan baik. Hal ini akan memudahkan urusan persaraan serta personel staf yang berkaitan pada masa akan datang.



AUDIT PENSIJILAN SEMULA MS ISO 9001:2015



Audit Pensijilan Semula MS ISO 9001:2015 Jabatan Pendaftar telah diadakan pada 14 - 16 November 2022 di (2) lokasi iaitu di Jabatan Pendaftar UTM JB dan Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur.

Sesi audit yang diketuai oleh Dr. Roslina binti Sailan bersama Puan Rajalekshimi dan Miss Mary Ngu Tog Ing dari SIRIM telah berlangsung selama (3) hari dalam memeriksa *standard* dan proses-proses kerja seperti termaktub di dalam dokumen Manual Kualiti, Prosedur dan Arahan Kerja setiap bahagian dalam Jabatan Pendaftar UTM.



BENGGKEL INISIATIF PEMBANGUNAN *DASHBOARD HIGH PERFORMANCE DELIVERY* UTM KUALA LUMPUR

Seksyen Pembangunan Bakat, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur (BPKL) telah menganjurkan Bengkel Inisiatif Penyediaan *Dashboard* Pengukuran Prestasi Jabatan/PTJ sebanyak (2) siri iaitu pada 21 September 2022 dan 19 - 20 Oktober 2022. Siri (1) telah diadakan di Bilik Kuliah 4, Malaysia - Japan International Institute of Technology (MJIT), UTM Kuala Lumpur manakala siri (2) diadakan di Dewan Kuala Pilah, Thistle Hotel, Port Dickson, Negeri Sembilan.


Bengkel yang disampaikan oleh Encik Mohd Nor Azsuan bin Mohd Yaacob, Penolong Jurutera (J36), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) dan Puan Noor Aniza bte Ghzali @ Ghazali, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) UTM Kuala Lumpur ini dianjurkan untuk membantu setiap pemilik *dashboard* dalam menyediakan data menggunakan perisian *Google Data Studio*. Konsep *dashboard* atau kad laporan yang akan dibangunkan ini merupakan satu instrumen pengukuran dan pemantauan prestasi jabatan atau pusat tanggungjawab (PTJ) di UTMKL melalui Penyampaian Kualiti Perkhidmatan (HQD).



Seterusnya pada 25 November 2022 telah diadakan Bengkel Pembentangan Akhir *Dashboard* Pengukuran Prestasi Jabatan/PTJ bertempat di Dewan Banquet, Menara Razak UTM Kuala Lumpur. Dalam bengkel ini, pemilik *dashboard* diminta untuk melakukan pembentangan digitalisasi, automasi dan pembangunan *database* atas talian masing - masing.





SEGMENT PERKHIDMATAN



TAKLIMAT DAN PENYEDIAAN ROC BANTUAN KHAS KEWANGAN



Taklimat dan Penyediaan ROC Bantuan Khas Kewangan ini telah diadakan pada 6 Januari 2022, selaras dengan Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mengenai Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 yang dikeluarkan pada 20 Disember 2021. Bantuan Khas Kewangan Tahun 2022 sebanyak RM700 ini akan dibayar pada 25 Januari 2022 kepada semua penjawat awam yang masih berkhidmat pada 25 Januari 2022. Taklimat ini dijalankan secara atas talian melalui aplikasi *Google Meet*.



KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA


Pada 8 Mac 2022 telah dianjurkan Kursus Pemantapan Pengurusan Sumber Manusia (KPPSM) yang merupakan salah satu KAI SSM pada tahun 2022 dan KAI ini dilaksanakan secara kerjasama bersama Seksyen Pembangunan Bakat (SPB).




Objektif utama kursus ini adalah untuk memberi pendedahan dan meningkatkan pengetahuan berkaitan Pengurusan Sumber Manusia kepada semua Pembantu Tadbir Kanan, Pembantu Tadbir PSM dan Pembantu Tadbir (Cuti) di setiap Pusat Tanggungjawab (PTJ) di UTM Kuala Lumpur. Pengisian lain adalah menentukan pelaksanaan program seperti penetapan pengendalian program, penentuan program yang akan dilaksanakan serta penetapan penceramah dan ahli jawatankuasa yang terlibat.

Penetapan kursus yang telah dipersetujui untuk dilaksanakan adalah seperti berikut:

1. Pengurusan Kenaikan Pangkat Staf Akademik
2. Pengurusan Perisytiharan Harta
3. Pengurusan Cuti
4. Pengurusan Kenaikan Pangkat Time Based (TBK)
5. Pengurusan ROC
6. Pengurusan LPPT/LNPT



TAKLIMAT DAN BENGKEL ROC PERGERAKAN GAJI TAHUNAN JANUARI



Bengkel ROC Kenaikan Gred Tahunan (KGT) bagi gaji Januari 2022 telah diadakan secara atas talian menerusi aplikasi *Webex* pada 10 Mac 2022. Bengkel ini bertujuan menerangkan syarat-syarat kenaikan gaji yang perlu disemak dan proses penjanaian serta kelulusan ROC kenaikan gaji. Peserta yang hadir adalah terdiri daripada PSM Fakulti/PTJ UTM dari UTM Johor Bahru, UTM Pagoh dan juga UTM Kuala Lumpur.

BENGKEL PEMURNIAN DASHBOARD RISIKO JABATAN PENDAFTAR

Pada 14 Mac 2022 telah diadakan Bengkel Pemurnian *Dashboard* Risiko Jabatan Pendaftar. Objektif utama bengkel ini diadakan adalah untuk melaksanakan pemurnian daftar risiko Jabatan Pendaftar. Semua wakil bahagian dan seksyen adalah terlibat dalam bengkel yang diadakan secara atas talian menerusi aplikasi *Webex*. Taklimat daftar risiko ini telah disampaikan oleh Encik Muhammad Hafizuddin dari Pusat Kualiti dan Pengurusan Risiko (QRIM), UTM Johor Bahru.



TAKLIMAT DAN PENYEDIAAN ROC BANTUAN KHAS KEWANGAN AIDILFITRI




Taklimat ini diadakan pada 14 April 2022 selaras dengan Surat Edaran oleh Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam mengenai Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022 yang telah dikeluarkan pada 8 April 2022. Bantuan Khas Kewangan Aidilfitri Tahun 2022 (BKKA 2022) ini telah dibayar pada 25 April 2022. Bayaran layak diberikan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Kumpulan Pengurusan Profesional serta Kumpulan Pelaksana Gred 56 dan ke bawah adalah sebanyak RM500.00.

KURSUS KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK

Kursus Pengurusan Kenaikan Pangkat telah diadakan pada 21 April 2022 yang disampaikan oleh Encik Mohammad Fadzly bin Jamaludin, Penolong Pendaftar dari Fakulti Teknologi dan Informatik Razak (FTIR). Seramai (22) peserta yang terdiri dari Pembantu Tadbir Kanan dan Pembantu Tadbir yang menguruskan Pengurusan Sumber Manusia (PSM) PTJ di UTM Kuala Lumpur hadir pada kursus ini.



KURSUS PENGISYTIHARAN HARTA




Seramai (23) staf dari pelbagai PTJ telah hadir bagi mengikuti Kursus Pengisytiharan Harta yang disampaikan oleh Puan Nurulhaslinda binti Muhd Sidek, Penolong Pendaftar, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Kursus yang diadakan pada 20 Mei 2022 ini bertujuan memantapkan lagi informasi dan maklumat berkenaan pengisytiharan harta kepada staf - staf PTJ yang terlibat dalam Pengurusan Sumber Manusia (PSM) masing - masing.

KURSUS PENGURUSAN CUTI



Kursus Pengurusan Cuti telah dianjurkan di Hotel Maya, Kuala Lumpur pada 16 Jun 2022. Seramai (42) staf UTM termasuk staf dari UTM Johor Bahru telah hadir bagi menjayakan kursus yang disampaikan oleh Puan Norhaslinda binti Ibrahim, Penolong Pegawai Tadbir, Bahagian Saraan, Jabatan Perkhidmatan Awam, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Putrajaya.





KURSUS PEMANTAPAN PENGURUSAN ASET UNIVERSITI



Pada 23 Jun 2022 telah diadakan Kursus Pemantapan Pengurusan Aset Universiti. Seramai (35) staf telah hadir kursus yang disampaikan oleh Encik Abd Muttalib bin Samad, Penolong Akauntan Kanan, Pejabat Bendahari UTM Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan bertujuan memantapkan lagi ilmu pengetahuan staf bagi menguruskan aset - aset Universiti di PTJ masing - masing.

KURSUS PENGURUSAN KENAIKAN PANGKAT SECARA *TIME BASED*



Seramai (17) staf yang terdiri daripada Pembantu Tadbir Kanan dan Pembantu Tadbir telah hadir dalam Kursus Pengurusan Kenaikan Pangkat Secara *Time Based* yang diadakan pada 2 September 2022. Penceramah kursus ini ialah En. Syahrhan bin Shahbudin, Penolong Pendaftar (N41) dari Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UTM Johor Bahru dan Pn. Safariah binti Mohamed Berhan, Pembantu Tadbir Kanan di Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Tujuan kursus ini diadakan adalah untuk memberi pengukuhan (*upskilling*) berkaitan Pengurusan Sumber Manusia kepada semua Pembantu Tadbir Kanan dan Pembantu Tadbir yang menguruskan Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di UTM Kuala Lumpur.

TEMU DUGA PELANTIKAN & KENAIKAN PANGKAT



Temu duga pelantikan telah diadakan sebanyak (6) siri sepanjang 2022 iaitu pada 11 Januari 2022, 31 Mac 2022, 22 Jun 2022, 26 Julai 2022, 9 Ogos 2022 dan 17 Ogos 2022. Temu duga pelantikan yang dijalankan adalah untuk jawatan Pemandu Kenderaan (Gred H11), Pembantu Awam (Gred H11), Pembantu Operasi (Gred N11), Pembantu Tadbir (Gred N19), Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Gred DV21) Penolong Akauntan (Gred W29), Penolong Pegawai Tadbir (Gred N29), Penolong Pegawai Keselamatan (Gred KP29), Penolong Jurutera (Gred JA29) dan Penolong Pegawai Latihan Vokasional (Gred DV29) bagi mengisi kekosongan waran staf disebabkan meletak jawatan, dinaikkan pangkat dan Bersara Wajib.


Manakala temu duga bagi kenaikan pangkat diadakan sebanyak (2) siri iaitu pada 20 September 2022 dan 1 November 2022 bagi jawatan Pengawal Keselamatan Gred KP14, Pembantu Awam Gred H14 dan Penolong Jurutera Gred JA36.

Ujian Kompetensi kepada calon - calon Pembantu Tadbir (Gred N19) telah diadakan secara atas talian dan pegawai penilai bagi menilai ujian kompetensi adalah dari kalangan pegawai yang telah dilantik sebagai *Task Force Rightsizing* Skim N. Manakala Ujian Penggunaan Mesin Larik telah diadakan kepada calon temu duga jawatan Pembantu Pegawai Latihan Vokasional (Gred DV21).

Ujian Saringan *Depression Anxiety Stress Scale* (DASS) turut dijalankan kepada semua calon bagi mengetahui status kesihatan mental calon sama ada stress, bimbang atau kemurungan. Ujian dijalankan dengan bimbingan Pegawai Kaunseling dari Pusat Kaunseling, UTM Kuala Lumpur.



TAKLIMAT PEMBERIAN OPSYEN PERTUKARAN PELANTIKAN SKIM DOMINAN



Universiti Teknologi Malaysia telah melaksanakan opsyen pertukaran pelantikan skim dominan bagi beberapa skim jawatan yang terlibat berkuat kuasa 1 Disember 2022. Skim-skim yang terlibat adakah seperti berikut :

1. Hal Ehwal Islam (S19, S22 dan S41/44)
2. Pegawai Belia dan Sukan (S41/44)
3. Pemuliharaan (S19)

Oleh itu, pada 3 November 2022, Seksyen Sumber Manusia, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur telah mengadakan taklimat pemberian opsyen pertukaran pelantikan skim dominan di mana tujuan program ini diadakan adalah untuk memberi penerangan yang jelas berkaitan syarat-syarat opsyen pertukaran pelantikan tersebut kepada staf yang terlibat.



KURSUS PENGURUSAN ROC DAN PENILAIAN PRESTASI STAF (LNPT/LPPT)

Kursus Pengurusan ROC dan Pengurusan Penilaian Prestasi yang diadakan pada 17 November 2022 telah disampaikan oleh Puan Saidatul Akmal binti Abdul Hamid dan Pn. Hariyani binti Khalid, Penolong Pendaftar Kanan (N44) dari Seksyen Perkhidmatan dan Saraan, Bahagian Sumber Manusia, Jabatan Pendaftar UTM Johor Bahru. Seramai (13) peserta yang hadir pada kursus ini terdiri dari Pembantu Tadbir Kanan dan Pembantu Tadbir yang menguruskan Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di UTM Kuala Lumpur. Kursus ini diadakan bertujuan memberi pengukuhan (*upskilling*) berkaitan Pengurusan Sumber Manusia kepada semua Pembantu Tadbir Kanan dan Pembantu Tadbir yang menguruskan Pengurusan Sumber Manusia (PSM) di UTM Kuala Lumpur.





KLINIK PENGISIAN LNPT STAF SEKSYEN KESELAMATAN

Pada 14 & 15 Disember 2022 telah dianjurkan Klinik Pengisian LNPT bagi staf Seksyen Keselamatan, Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur. Program ini merupakan inisiatif Seksyen Sumber Manusia bagi membantu staf Seksyen Keselamatan untuk membuat pengisian bagi komponen-komponen yang terdapat dalam LNPT 2022 khususnya KAI dan Kegiatan & Sumbangan supaya staf dapat membuat pengisian LNPT 2022 dengan teratur dan lengkap. Selain itu, staf juga dapat meningkatkan markah prestasi setara dengan penglibatan dan produktiviti yang diberikan sepanjang perkhidmatan pada tahun 2022.



BENGGEL PENYEDIAAN MYPORTFOLIO SEKSYEN SUMBER MANUSIA

PKPA Bil. 4 Tahun 2018 myPortfolio: Panduan Kerja Sektor Awam dikeluarkan sebagai pendekatan baharu dalam pelaksanaan bidang tugas dan tanggungjawab secara yang lebih komprehensif dan teratur di agensi kerajaan. Untuk itu, pelaksanaan panduan kerja melalui myPortfolio diperkenalkan bagi memperkukuhkan pelaksanaan bidang tugas dan tanggungjawab agensi demi memastikan perkhidmatan awam sentiasa relevan.

Panduan kerja yang lebih ringkas dan mudah ini juga menepati kehendak semasa dan perubahan landskap perkhidmatan awam. Deskripsi tugas memperjelaskan tujuan pewujudan sesuatu perjawatan dengan mengambil kira komponen akauntabiliti, dimensi dan kompetensi yang diperlukan bagi sesuatu jawatan dalam organisasi. Hal ini selaras dengan objektif sesuatu jawatan yang secara prinsipnya diwujudkan berdasarkan kadar upah untuk kerja (rate for the job). Akauntabiliti yang jelas dan spesifik dapat membantu penyandang menjalankan tugas dengan lebih efektif, setara dengan gred jawatan yang diperuntukkan.

Pada 20 Disember 2022 diadakan Bengkel Penyediaan Myportfolio yang bertujuan untuk menyediakan myPortfolio bagi staf di Seksyen Sumber Manusia terlebih dahulu bagi mengenal pasti masalah-masalah yang akan dihadapi sebelum bengkel diteruskan kepada staf-staf lain di UTM Kuala Lumpur.





PERSONAL COACHING STAF BAHARU LAPOR DIRI

Personal Coaching Staf Baharu Lapor diri merupakan satu inisiatif dalam memastikan staf baharu diberi penerangan yang jelas berkaitan urusan perkhidmatan agar staf mempunyai pengetahuan asas terhadap syarat-syarat perkhidmatan dan urusan personel.

Sepanjang tahun 2022, semua staf baharu perlu melapor diri di Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur dan seterusnya akan diberi *Personal Coaching* dan juga semakan dokumen lapor diri. Selepas diberi penerangan, staf baharu dikehendaki menandatangani senarai semak untuk membuktikan bahawa staf telah diberikan *Personal Coaching* semasa melapor diri di BPKL dan seterusnya barulah staf melapor diri di Fakulti/PTJ yang telah ditetapkan.



PENYERAHAN SIJIL PENGHARGAAN KEPADA PESARA

Penyerahan sijil penghargaan kepada pesara UTM merupakan satu inisiatif Bahagian Pendaftar Kuala Lumpur sebagai menghargai dan meraikan staf yang bersara sama ada bersara wajib atau pilihan. Bayaran Gantikan Cuti Rehat (GCR) adalah secara kredit ke akaun manakala serahan sijil dan kad pesara akan diberikan secara fizikal. Seramai (26) staf bersara sepanjang tahun 2022. Terima kasih dan selamat bersara diucapkan.



SIDANG REDAKSI

PENASIHAT

TUAN HAJI MOHD NAJIB BIN MASROOM

KETUA EDITOR

PUAN SITI SAODAH BINTI JAMALLUDDIN

EDITOR/PEREKA GRAFIK

**PUAN FATIN LIYANA IZZATI BINTI
KAMARULZAMAN HASSAN**

PENULIS BERSAMA

**PUAN NURUL AIZZAH BINTI AHMAD RAZALI
PUAN NURUL SYAHIDA BINTI SABERI
PUAN NURIDZATI BINTI MOHD NOH
PUAN SAFARIAH BINTI MOHAMED BERHAN
ENCIK MOHD FAHMI BIN LEMAN
PUAN NOREHA BINTI MD JAPAH
PUAN NUR HAZWANE BINTI DIN**

PEMBACA PRUF

**PUAN ERNI AZREENA BINTI AFFENDI
PUAN NUR ATIQAH BINTI ZAINAL ABIDIN
PUAN NOORHAFIZA BINTI NOORDIN**

DITERBITKAN OLEH

**BAHAGIAN PENDAFTAR
KUALA LUMPUR**